

PROGRAM LANDASAN

MEMBINA LANDASAN ILMU LUAS & BERNAS

ILMU, AMALAN JADI LANDASAN

oleh Mansor Sukaimi (Konsultan Nury), nurysingapore@pacific.net.sg

PENGALAMAN IBU BAPA MENULIS BUKU



Sejak anak-anak kita dilahirkan, kita telah terlibat dalam proses-proses mendidik mereka, setiap masa, setiap hari. Kita banyak menggunakan ilmu atau tunjuk-ajar dari ibubapa kita sendiri. Ada pula yang mendapatkan panduan dari buku-buku.

Walaupun kita telah lama melakukan usaha mengajar dan pendidik ini tahun demi tahun, tidak ramai yang menulis buku-buku tentang pengalaman masing-masing.

Gambarkan betapa besarnya manfaat jika ramai ibubapa berikhtiar menulis buku-buku itu. Kita hanya perlu membiasakan diri untuk membuat atau menyimpan nota-nota tentang berbagai aspek pendidikan anak-anak kita.

Selepas itu, ceritakan pengalaman kita tentang cara kita mengajar anak-anak kita Al-Quran, Solat, melukis, menulis, Matematik, kenal benda-benda, dsb.

Tujuan menulis buku-buku ini bukanlah untuk mengajar orang-orang lain. Niatnya adalah semata-mata untuk berkongsi pengalaman. Kita sudah tahu menaip. Ramai sudah ada komputer. Ramai juga sudah tahu pakai Internet atau mengirim e-mail. Sekarang kita hanya perlu menyedari tentang peluang ini, dan dapatkan orang atau kemudahan yang membantu kita mengumpul, berbincang, menulis dan menghasilkan buku-buku ini. Kami bersedia membantu, lebih-lebih lagi kalau ada beberapa ibubapa yang berminat untuk memulakan usaha ini.

GOUT ITU BUKAN PENYAKIT

Gout adalah tanda bahawa ada sesuatu yang berkurangan dalam tubuh badan kita. Kerana bahan yang diperlukan tidak ada atau tidak cukup, tisu-tisu di sendi-sendi menjadi bengkak.

Hakikat gout sebagai "tanda" merupakan suatu rahmat. Gambarkan, jika kita mengidapi gout tetapi tanda-tandanya tidak ketara, keselamatan diri kita akan terancam tanpa pengetahuan kita.

Hakikat ini juga penting kerana gout berpunca dari sebab-sebab yang wujud dalam cara hidup kita, termasuk bahan-bahan yang kita makan atau tidak makan. Hakikat ini juga mengajak kita untuk mengutamakan penjagaan diri lebih dari hanya mencari dan mendapatkan ubat-ubatan semata-mata.

Kajian sains menunjukkan bahawa gout berlaku bila hampas dari sel-sel (khususnya *uric acid*) telah berada terlalu lama dalam saluran darah dan tidak diubahkan kepada bahan pengeluaran yang dipanggil *urea*. Kerana *uric acid* tidak diubahkan kepada *urea*, bahan itu akan tercampur dengan *sodium* sehingga terhasil *uric crystals* yang mempunyai duri-duri yang merosakkan tisu-tisu di sendi-sendi.


Perkara ini berlaku kerana makanan kita tidak mengandungi cukup vitamin B5 (yang dipanggil *pantothenic acid*.) Jika bahan ini cukup, *uric acid* akan dapat diubahkan kepada *urea* dan ini akan mencegah terkumpulnya *uric crystals*.

JENTERA OTAK-SARAF "KAIN PUTIH"



Otak-saraf merupakan "kemudahan" yang terlibat dalam proses pembangunan anak cemerlang. Potensinya amat besar, dan sifat ini memudahkan pembangunan cemerlang.

Kapasitinya yang begitu besar memudahkan penerimaan berbagai ilmu dan pengalaman. Kemampuan ini wujud kerana bayi telah dibekalkan dengan sel-sel neuron (sebanyak 100 billion), dan setiap satu mampu menjalinkan sebanyak 15,000 hingga 200,000 perkaitan. Sila lihat bentuk sel-sel otak-saraf yang wujud dalam bentuk rangkaian:



Setiap sel neuron membina cabang2 dendrit, dengan rangkaian2nya untuk menyimpan dan menyusun maklumat. Melalui rangkaian2 ini otak-saraf berfungsi sebagai landasan ("kain putih") membolehkan manusia membina ilmu, akhlak, pengalaman, dan berbagai kemampuan untuk hidup sempurna. Lebih awal proses ini berlaku, lebih sempurna dan kukuh ilmu, pengalaman, akhlak dan kebolehan yang disusun itu.

Dengan peralatan-peralatan ini, otak-saraf menjadi organ utama yang mengawal berbagai kemampuan berfikir, bergerak, bertutur, beremosi, sihat, kreatif, beriman, dan segala fungsi organ tubuh badan manusia.

Jika ia membesar dengan baik dan fungsinya terjaga, anak akan juga membesar dengan sempurna. Jika ia terganggu (seperti kecederaan yang menyebabkan Down's syndrome, cerebral palsy, autism, hyperactivity, dyslexia, alahan, encephalitis, dsb.) pembangunan anak pasti terganggu.

DOA KELUAR TANDAS

عَفْرَانِكَ

"Aku minta ampun kepadaMu".

HR. Seluruh penyusun kitab Sunan, kecuali An-Nasai yang meriwayatkan dalam 'Amalul Yaumi wal Lailah, lihat Takhrij Zaadul Ma'aad 2/387.